

## Pelan pengungsian yang baik menyelamatkan nyawa Jun 2024



Rajah 1. Kebakaran JAL 516 dan lokasi pesawat yang terlibat

Pada Januari 2, 2024, Penerbangan 516 Japan Airlines (JAL) yang membawa 367 penumpang dan 12 anak kapal mendarat di Lapangan Terbang Haneda Tokyo, Jepun. Pesawat ini telah berlanggar dengan pesawat lebih kecil Pengawal Pantai Jepun di atas landasan dan keduanya terbakar. Lima daripada enam anak kapal pesawat Pengawal Pantai terkorban dalam perlanggaran itu. Kesemua 379 penumpang Penerbangan 516 JAL selamat dipindahkan dalam tempoh 18 minit selepas mendarat walaupun enjin kiri pesawat itu terbakar.

Pengungsian pesawat besar itu berjaya dilakukan dengan selamat hasil daripada pelan pengungsian yang difahami dengan baik. Meskipun terdapat kegagalan komunikasi antara kokpit dan atendan penerbangan, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam Penerbangan 516. Anak kapal mengambil tindakan pantas untuk mengembangkan gelongsor kecemasan sebaik mendapati keadaan selamat. Mereka mengarahkan penumpang ke gelongsor dengan cepat namun terkawal. Juruterbang dan atendan penerbangan telah dilatih untuk memulakan pengungsian pesawat secepat mungkin.

Penyumbang lain kepada pengungsian selamat ini adalah anak kapal bertegas agar penumpang meninggalkan barangan berharga selain telefon mereka. Membawa bersama barangan boleh melambatkan proses keluar lalu mengakibatkan kematian. Perkara ini ditekankan dalam mesej keselamatan sebelum pelepasan penerbangan oleh syarikat itu dan penumpang mematuhi arahan tersebut.

### Tahukah Anda?

- Loji yang menyimpan atau mengendalikan bahan kimia berbahaya, pelan kecemasannya hendaklah mengandungi tumpahan dan pelepasan gas berbahaya .
- Di kebanyakan negara, syarikat dikehendaki mempunyai pelan tindakan kecemasan bertulis dengan menyatakan jangkaan bencana alam seperti cuaca buruk, banjir, gempa bumi dan tsunami. Pelan itu juga perlu menerangkan kebakaran dan pengungsian selamat tapak.
- Kebakaran dalam operasi perindustrian boleh merebak secara cepat. Meskipun di pejabat, permaidani dan bahan mudah terbakar lain boleh menyala dan terbakar dengan pantas.
- Tindakan bagi mengurangkan kesan kebakaran atau pelepasan adalah dengan pengaktifan sistem penggera kecemasan yang tepat pada waktunya. Perbuatan teragak-agak ataupun kelewatan dalam mengaktifkan penggera boleh melambatkan usaha pengungsian dan memadam kebakaran.
- Sesetengah peraturan memerlukan peta visual bagi laluan pengungsian, tempat perlindungan yang selamat dan kawasan berkumpul.

### Apa yang Boleh Anda Lakukan?

- Ketahui prosedur pengungsian kecemasan bagi kawasan kerja anda termasuk – laluan pengungsian, lokasi perlindungan dan tempat berkumpul .
- Ambil maklum cara dan masa untuk mengaktifkan penggera kecemasan di kawasan anda. Sekiranya tidak mengetahui, dapatkan kepastian dari penyelia.
- Turut serta secara aktif dalam latihan kecemasan. Ambil perhatian pada isu yang memberi kesan kepada kecemasan sebenar seperti laluan keluar terhalang, permukaan lantai yang rosak atau tanda keluar yang hilang.
- Semasa membuat rondaan atau pemeriksaan lapangan, jangkakan kecemasan yang boleh berlaku dan catatkannya dalam pelan pengungsian.
- Apabila anda meninggalkan kawasan, jangan kembali sehingga status 'all clear' diumumkan. (Lihat April 2024 Beacon)

**Ketahui prosidur pengungsian anda – dan patuhinya!**